

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN KONTRAKTOR UNTUK MENYERTAI
PROSES UNDI DI BAWAH PERUNTUKAN MARRIS FASA 2/2023**

1. Kerajaan Negeri Sembilan melalui Pejabat Pegawai Kewangan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan Kerja Undi Penyenggaraan Jalan Negeri di bawah Peruntukan MARRIS Fasa 2 Tahun 2023 secara *Live Streaming*.
2. **Pendaftaran** kontraktor adalah secara **fizikal** di mana kontraktor perlu hadir ke **Pejabat JKR Daerah** untuk pendaftaran dengan membawa dokumen yang berkaitan
3. Syarat-syarat kelayakan kontraktor untuk menyertai proses undi ini adalah seperti berikut:
 - (i) Terbuka kepada kontraktor **Kejuruteraan Awam kelas G1 (Kod Bidang: CE21)** yang berdaftar di Negeri Sembilan sahaja dan hendaklah berdaftar dengan CIDB serta mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB);
 - (ii) Terbuka kepada kontraktor G1 yang masih **belum** mempunyai apa-apa **projek sebutharga** di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2023 dan **Kerja Undi MARRIS Fasa 1/2023** sahaja;
 - (iii) Kontraktor yang berjaya tetapi **MENOLAK** Kerja Undi MARRIS Fasa 1/2023 secara automatik **tidak layak** untuk menyertai Kerja Undi MARRIS Fasa 2/2023 ini;
4. Keputusan proses undi adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**